

# Pelajar IPT mudah jadi mangsa

**Bangi:** Pelajar institusi pengajian tinggi mudah menjadi mangsa gangguan seksual kerana kebergantungan mereka terhadap dunia luar bagi meneruskan kehidupan dan pengajian di kampus.

Kebergantungan pelajar untuk lulus peperiksaan, lulus tugas program dan mendapat tempat di asrama adalah antara ruang serta peluang pengganggu mengambil kesempatan terhadap mereka, seperti menawarkan cara mudah mendapatkannya.

Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata gangguan seksual boleh mengganggu fizikal dan emosi pelajar sehingga ada yang berputus asa meneruskan pengajian masing-masing.

## Pensyarah ambil kesempatan

"Punca gangguan seksual yang sering berlaku di universiti adalah disebabkan pensyarah mengambil kesempatan terhadap pelajar yang memerlukan bantuan seperti ubah suai jadual atau susun atur subjek.

"Pensyarah biasanya meminta ganjaran seks daripada mereka dan perlakuan itu melanggar etika universiti. Jika aduan dibuat oleh mangsa, tindakan tatatertib akan diambil dan jika pensyarah itu didapati bersalah, pihak universiti boleh melucutkan jawatan serta membuangnya dari universiti," katanya kepada BH.

Bagaimanapun, Noor Aziah berkata, ramai di antara mangsa gangguan seksual tidak tahu platform untuk mereka mengadu masalah dihadapi, malah ada yang tidak berani mengadu kerana malu dan takut.

"Malu kerana berasakan maruahnya tercemar dan takut kerana pelakunya adalah pensyarah yang mempunyai kuasa untuk melulus serta menggagalkan subjek diambilnya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menyediakan ruang untuk mangsa membuat aduan dan siasatan akan dilakukan tanpa mengganggu proses pengajian mangsa di universiti.

## FORUM KESELAMATAN WANITA, LUAHKAN KES GANGGUAN SEKSUAL ANDA



Noor Aziah (dua dari kiri) bersama pelawak, Harith Iskander Musa dan pensyarah psikologi, Dr Mohamad Rahim Kamaluddin (dua dari kanan) pada Forum Keselamatan Wanita di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, semalam.

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

# Kerajaan disaran wujud Klinik Psikologi 1Malaysia

**Bangi:** Kerajaan disaran mewujudkan Klinik Psikologi 1Malaysia di setiap daerah di negara ini bagi membantu kes berkaitan mental dan psikologi seperti gangguan seksual.

Cadangan oleh ahli akademik berkaitan bidang psikologi dan mental berkenaan dibuat kerana kes membabitkan mental dan psikologi semakin serius sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pensyarah psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohammad Rahim Kamaluddin, berkata seperti

di negara maju yang lain, klinik psikologi adalah satu keperluan masyarakat kerana masalah mental dan tekanan menjejaskan prestasi kerja serta pembangunan negara.

Katanya, faktor kerja, persekitaran, didikan agama, latar belakang keluarga dan ledakan teknologi serta maklumat antara penyumbang utama masalah mental dan tekanan seseorang.

"Kesannya pesakit akan melakukan perkara di luar etika kemanusiaan seperti menca- bul, merogol, mendera dan

memukul sebagai cara melepaskan tekanan mereka.

## Wujud kementerian lelaki

"Sudah tiba masanya satu kementerian lelaki diwujudkan seiring perkembangan semasa yang menunjukkan lelaki juga perlu dibantu seperti wanita.

"Klinik psikologi pula adalah satu akses sama ada di bawah kementerian itu atau kementerian sedia ada bagi membantu semua masyarakat tanpa mengira gender," katanya pada Forum Keselamatan Wanita, Luahkan Kes Gangguan

Seksual Anda yang diadakan di sini, semalam.

Antara isu menarik diketengahkan menerusi forum berkenaan ialah penggunaan ayat lucu sebagai bahan lawak yang semakin banyak digunakan dalam program realiti televisyen dibimbangi menjadi satu budaya dalam masyarakat.

Gurauan berunsur lucu juga antara ciri gangguan seksual dan tanpa tindakan badan penapis dan pemantau program, perbuatan sedemikian akan diterima sebagai asimilasi budaya dalam masyarakat yang akhirnya merugikan nilai sosial bangsa di negara ini.

## Lawak lucu tak terkawal

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata penggunaan ayat lucu sebagai bahan lawak yang tidak terkawal menerusi televisyen atau radio boleh memberi kesan khususnya kepada kanak-kanak.

Katanya, tanpa kesedaran dan tanggungjawab semua pihak, budaya gangguan seksual akan bertukar menjadi lebih serius seperti jenayah rogol serta liwat.

"Ibu bapa juga bertanggungjawab mendidik anak mereka berhubung apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan dan kesannya jika melakukan perbuatan dilarang.

"Terdapat kes remaja merogol seorang kanak-kanak berusia empat tahun kerana terpengaruh dengan adegan di televisyen," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya diwujudkan program keselamatan lelaki, selain wanita kerana perkembangan semasa menunjukkan lelaki turut menjadi mangsa gangguan seksual.